

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[SHAH ALAM]**

**TARIKH : 02 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan strategik bagi memperkasakan mahkamah syariah menerusi pindaan Akta 355 dan apakah langkah-langkah bakal diambil selepas ini.

**JAWAPAN : YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL BAKRI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa meletakkan prioriti kepada pemeraksanaan Mahkamah Syariah, bagi memartabatkan institusi perundangan Syariah di Malaysia. Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, pindaan bagi Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 akan dilakukan selepas beberapa proses penting dilaksanakan terlebih dahulu. Ini penting agar Akta ini dapat dipinda dan dibentangkan mengikut tertib dan teratur mengikut lunas Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.